

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(III)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB. ONG AH TEONG**

7. Adakah pemberian subsidi kepada syarikat penerbangan yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang boleh dilaksanakan?
- (a) Berapakah jumlah pelancong asing yang masuk melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang pada tahun 2016 dan 2017.

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Pada masa ini, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk memberikan subsidi kepada syarikat penerbangan yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program insentif sejak 2016 untuk menggalakkan syarikat penerbangan mengadakan *chartered flight* dan penerbangan terus ke Pulau Pinang. Insentif tersebut akan diberikan kepada syarikat penerbangan yang menaik kepada syarat-syarat seperti laluan penerbangan yang terpilih, tempoh aktif laluan dan kekerapan penerbangan. Sehingga kini, insentif ini telah diberikan kepada syarikat penerbangan AirAsia untuk penerbangan terus Yangon ke Pulau Pinang pada tahun 2016. Jumlah penumpang

yang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang adalah 1,407,785 pada tahun 2016 dan 1,546,779 pada tahun 2017.